SIARAN SERTA MERTA
MOTAC.100-2/1/18 JLD 5 (66)

SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

FESTIVAL GELINGOS 2026: HIDUPKAN WARISAN, SATUKAN KOMUNITI

KINABATANGAN, 14 NOVEMBER – Warisan budaya dan kebersamaan komuniti menjadi tumpuan **Festival Gelingos 2026 yang berlangsung dari 13 hingga 15 November 2026 di Dataran Tamu Sukau, Kinabatangan, Sabah.** Bertemakan **"Mengalir Bersama Sungai, Menyatu Bersama Komuniti"**, festival ini dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS). Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **YB Datuk Jafry bin Haji Ariffin, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah**, dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha MOTAC.

Membawa maksud "ziarah", Gelingos mengangkat tradisi berziarah dan semangat gotong-royong, serta menonjolkan peranan sungai sebagai nadi kehidupan masyarakat Sungai di Kinabatangan. Lebih daripada sebuah perayaan, festival ini menjadi wadah untuk **menghayati warisan, mempererat hubungan komuniti dan mengetengahkan identiti masyarakat setempat melalui kebudayaan dan pelancongan.**

Festival ini menyajikan pelbagai acara, antaranya perarakan budaya, persembahan kesenian, pameran dan jualan produk tempatan, pertandingan mewarna dan busana tradisional, *Battle of the Band*, *Gelingos Got Talent* serta Kenduri Rakyat. Pengisian ini memberi ruang kepada generasi muda dan pengunjung untuk mengenali serta menghayati warisan tempatan. Pada masa yang sama, festival ini membuka peluang ekonomi kepada penggiat seni, usahawan kecil, pengusaha inap desa dan komuniti setempat, sekali gus memperkukuh pelancongan berasaskan komuniti.

Sokongan MOTAC terhadap festival ini memperkukuh usaha memelihara dan memulihara warisan budaya serta menggalakkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dalam agenda pelancongan, seni dan budaya negara. Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan komuniti setempat menjadi tunjang usaha memastikan warisan ini terus dihargai, diamalkan dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, Festival Gelingos 2026 mengetengahkan budaya dan komuniti sebagai teras pembangunan pelancongan. Keunikan budaya dan kehidupan masyarakat di Sukau, Kinabatangan berpotensi menarik pengunjung untuk mengenali warisan setempat dengan lebih dekat. Melalui penglibatan aktif komuniti, **festival ini membuka ruang untuk menjadikan kekayaan warisan sebagai pemacu ekonomi tempatan yang mampan.**

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Telefon: 03-8000 8000 Faks: 03-8891 7181
Laman sesawang: www.motac.gov.my E-mel: group.ukk@motac.gov.my
Media sosial: Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac